



BINA



**PROJEK TRANSFORMASI PAPAN TANDA
KKR : PROGRAM PENYAMPAIAN
PERKHIDMATAN BERIMPAK BESAR**

SIDANG REDAKSI

PENAUNG

YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob
[Ketua Setiausaha KKR]

PENASIHAT

YBrs. Tuan Haji Sarani Bin Dollah
[Timbalan Ketua Setiausaha
(Pengurusan) KKR]

KETUA PENGARANG

Pn. Noreha Mohd Ripin
[Ketua Komunikasi Korporat]

PENGARANG

En. Mohd Rizal Hashim
En. Fauzi Baharudin
Pn. Aisah Ghazali

JURUFOTO

En. Rosdin Sabni

Cik Hidayatul Sa'adiah Binti Saad
[Jurufoto Unit Komunikasi Korporat
dan Unit Perpustakaan & Sumber
Jabatan Kerja Raya]

REKABENTUK / PENCETAK

LEGASI PRESS SDN BHD
Tel: +603 6272 2022

URUSETIA

Unit Komunikasi Korporat
Kementerian Kerja Raya

SUMBANGAN ARTIKEL

Sidang Redaksi mengalu-alukan sebarang sumbangan artikel dan pandangan yang membina bagi mengemaskini serta mempertingkatkan lagi mutu penerbitan Buletin Kementerian Kerja Raya. Sumbangan Artikel boleh dialamat kepada:

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT

Kementerian Kerja Raya
Tingkat 6, Blok B, Kompleks Kerja Raya
Jalan Sultan Salahuddin, 50580
Kuala Lumpur

+603-8000 8000

+603-2711 1101

pro@kk.gov.my

www.kkr.gov.my

Kementerian Kerja Raya

@MOWorks

MENARIK DIDALAM

3 Usahasama JKR Dan LGM
Mengkaji Penggunaan Getah
Bekuan Dalam Pembinaan Jalan

4 Majlis Menandatangani
Perjanjian Pembinaan Projek
Lebuhraya Pan Borneo Sarawak

5 Projek Naik Taraf Hospital
Seberang Jaya Dilancarkan

Pelancaran Projek Jalan Empat
Lorong Kuching

6 Perasmian Jalan Sapulut-
Kalabakan, Sabah

7 Lawatan Tapak Projek Naik Taraf
Lebu Raya Pasir Gudang –
Johor Bahru

8 Mesyuarat Pegawai Kanan
(SOC) Jabatan Kerja Raya (JKR)
Malaysia 2015

9 Projek Transformasi Papan Tanda
Dan Tanda Arah Jalan

10 Kerja Undi Jalan Persekutuan Dan
Kerja Undi Penyenggaraan
Bangunan

11 Pelancaran Pelan Transformasi
KKR

12 Kerja Undi Penyelenggaraan
Kuarters KDN Negeri Perlis
Bernilai RM6.51 Juta

13 Bengkel Penyediaan Pelan
Strategik 2016 – 2020 KKR

Program Khidmat Masyarakat
(CSR) Lambir, Miri Dan Latihan
Kemahiran Personel Binaan

14 Lawatan Dan Sesi Ramah Mesra
Menteri Kerja Raya Ke Pejabat
Utusan Malaysia Berhad

Majlis Persaraan Dato' Ir Hj
Annies Md Ariff,
Ketua Pengarah Kerja Raya
Malaysia

15 Majlis Anugerah Perkhidmatan
Cemerlang Kementerian Kerja
Raya 2014

KKR Berjaya Mengekalkan
Pentauliahhan 5S Untuk 2015

16 Kongres Juruukur Antarabangsa
(ISC) Ke-17 Himpun Komuniti
Juruukur

Seminar Kesan Iklim Terhadap
Pembangunan Infrastruktur
Negara

17 Pelancaran Program WELL4LIFE
MOWFIT KKR 2015

Sumbangan Mangsa Banjir
Kepada Warga JKR Pahang

18 Makan Malam Arkitek ASEAN

19 Majlis Berbuka Puasa KKR 1436H

Sesi perbincangan dan lawatan ke pejabat menteri sebelum ke acara majlis



USAHASAMA JKR DAN LGM MENKAJI PENGGUNAAN GETAH BEKUAN DALAM PEMBINAAN JALAN

KUALA LUMPUR, 24 Jun 2015 - Majlis Menandatangani *Memorandum of Agreement (MOA)* Perjanjian Kajian Usahasama Penggunaan Getah Bekuan dalam Campuran Asfalt dalam projek pembinaan Jalan di antara Lembaga Getah Malaysia (LGM) agensi Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) dan Jabatan Kerja Raya Malaysia (JKR Malaysia) agensi Kementerian Kerja Raya (KKR) telah diadakan di Kompleks Kerja Raya hari ini.

Majlis ini diadakan bagi memantap dan meningkatkan kualiti pembinaan jalan di negara ini melalui penggunaan getah

bekuan sebagai bahan tambah dalam campuran asfalt.

Penggunaan getah sebagai bahan tambah dalam campuran asfalt bersesuaian dengan ciri-ciri bitumen dan campuran asfalt sebagai ganti kepada bahan tambah polimer. Melalui kerjasama ini, kajian akan dilaksanakan oleh para pengkaji dan pakar daripada JKR dan LGM.

Penggunaan getah dalam campuran asfalt bukanlah satu perkara baru bagi JKR. Jalan yang dibina menggunakan asfalt bercampur getah ini telah

mula dibina seawal 1950an melalui pembinaan tapak percubaan di Jalan Kota Bharu-Kuala Krai. Kemuncak penggunaan getah dalam turapan jalan pada skala besar adalah semasa pembinaan Jalan Pekeliling, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur pada tahun 1995.

Upacara perjanjian ini telah disaksikan oleh YB Dato' Sri Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya dan YB Datuk Amar Douglas Unggah Embas, Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi.



YB Menteri serta YBhg KSU Kementerian Kerja Raya mengiringi YB Menteri Perladangan dan Komiditi menandatangani buku lawatan



Upacara menandatangani disaksikan oleh YB Menteri Perladangan dan Komiditi dan YB Menteri serta Timbalan Menteri Kerja Raya



YB Menteri serta YBhg KSU Kementerian Kerja Raya mengiringi YB Menteri Perladangan dan Komiditi menandatangani buku lawatan



Majlis menandatangani perjanjian antara Kerajaan negeri Sarawak, Kementerian Kerja Raya dan Lebuhraya Pan Borneo Malaysia

MAJLIS MENANDATANGANI PERJANJIAN PEMBINAAN PROJEK LEBUHRAYA PAN BORNEO SARAWAK



YB Menteri Kerja Raya bergambar kenangan bersama urusetia

PUTRAJAYA, 30 Jun 2015 – Satu Majlis Menandatangani Perjanjian Pembinaan Projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak telah diadakan di antara Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Sarawak dan Lebuhraya Borneo Utara Sdn. Bhd di Jabatan Perdana Menteri hari ini.

Upacara menandatangani perjanjian ini telah disaksikan oleh YAB Dato' Sri Mohd Najib Tun Abdul Razak, Perdana Menteri Malaysia dan YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan Satem, Ketua Menteri Sarawak. Turut hadir ialah Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Yusof.

Terdahulu dalam ucapan Bajet pada 10 Oktober 2014 yang lalu, Perdana Menteri telah mengumumkan pelaksanaan projek lebuhraya Pan Borneo sepanjang 2,239 kilometer yang disasarkan akan

menjadi penghubung bandar-bandar utama di Sabah dan Sarawak.

Komponen kick-off projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak yang melibatkan jajaran Simpang Jalan Nyabau ke Simpang Jalan Bakun sepanjang 43 kilometer telah dilancarkan oleh Perdana Menteri sendiri pada 31 Mac 2015. Komponen ini merupakan sebahagian daripada 1,090 kilometer jajaran Pan Borneo Sarawak yang akan dinaiktaraf kepada empat lorong dua hala (dual carriageway) dengan standard piawai R5. Kerja-kerja menaiktaraf komponen tersebut kini sedang giat dijalankan.

Melalui Perjanjian ini, projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak kelak bakal menjadi jalan penghubung strategik serta memberi keselesaan perjalanan dan

selamat kepada pengguna jalan raya di Sarawak selain memberi impak bukan sahaja kepada ekonomi setempat, malah ia berupaya menggalakkan lagi pembangunan ekonomi di wilayah koridor Sarawak (SCORE).

Disamping itu, projek ini dijangka akan memberi kesan langsung kepada kepada penduduk negeri Sarawak melalui peluang-peluang dalam sektor pembinaan, mewujudkan peluang pekerjaan baru dan bertindak sebagai pemangkin kepada pusat-pusat pertumbuhan baru ekonomi.

SEBERANG JAYA, 28 April – YAB Tan Sri Dato' Haji Muhyiddin Haji Mohd Yassin, Timbalan Perdana Menteri Malaysia telah melancarkan Projek Naik Taraf Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang hari ini.

Hospital ini telah dibina dalam Rancangan Malaysia Keenam dan berkonsep hospital nukleus di bawah Projek Turnkey dan siap pada tahun 1994 dengan bilangan katil sebanyak 314. Ia merupakan hospital pakar major dan menjadi hospital rujukan untuk Seberang Perai. Menurut statistik tahun 2013, hospital ini telah memberikan perkhidmatan kepada penduduk Seberang Perai berjumlah seramai 948,560 orang.

Keluasan tapak projek yang dirancang adalah 3.26 ekar dan terletak di dalam kawasan hospital. Antara impak kerja naik taraf ini ialah Blok Multi-storey ini bakal menyediakan kemudahan rawatan perubatan dan ruangan kerja yang lebih lengkap bagi menampung bilangan



Gimik pelancaran dilakukan oleh YAB Tan Sri Dato' Hj Muhyidin Hj Mohd Yassin Timbalan Perdana Menteri Malaysia

PROJEK NAIK TARAF HOSPITAL SEBERANG JAYA DILANCARKAN

pesakit yang semakin bertambah berikutan peningkatan perkhidmatan rawatan perubatan yang diberikan buat masa ini di Hospital Seberang Jaya, Pulau Pinang.

Selain itu, ia bertujuan memberi perkhidmatan klinikal yang baru iaitu perubatan rehabilitasi (rehabilitation medicine) untuk penduduk Pulau

Pinang dan memberi perkhidmatan Kardiologi dan Kardiotorasik Pediatrik serta pusat rujukan bagi zon utara bagi kedua-dua disiplin ini.

Turut hadir pada majlis pelancaran ini ialah Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Yusof dan Menteri Kesihatan Malaysia, YB Datuk Seri Dr. S.Subramaniam.

hala ini menggunakan piawai jalan JKR U5 bermula daripada bulatan sedia ada di E-mart, menghubungkan kembali ke pusat Bandaraya Kuching melalui Jalan Stapok dengan jumlah panjang jalan dianggarkan sejauh 4.4 kilometer.

Turut disenarai dalam skop kerja projek ini ialah pembinaan dua bulatan baharu iaitu di Jalan Matang dan Jalan Temenggong Tan Meng Chong serta pembinaan jambatan konkrit bertetulang menyeberangi Sungai Sarawak berukuran 320 meter panjang yang menghubungkan kedua-dua bulatan tersebut. Jambatan ini turut direkabentuk untuk membolehkan kerja pelebaran jalanraya dilaksanakan kepada enam lorong dua hala pada masa akan datang.

Jabatan Kerja Raya (JKR) Sarawak telah diberi tanggungjawab memantau pelaksanaan projek ini dengan tempoh pembinaan selama 30 bulan dan dijangka siap pada bulan Oktober 2017. Dengan siapnya pembinaan projek jalanraya ini kelak, ia bakal menyuraikan kesesakan kenderaan dari kawasan Kuching Utara ke pusat Bandaraya Kuching.

PELANCARAN PROJEK JALAN EMPAT LORONG KUCHING

KUCHING, 13 April - Kementerian Kerja Raya (KKR) hari ini melancarkan Projek Membina Jalan Empat Lorong dari Bulatan E-Mart, Matang ke Stapok, Batu Kawa, Kuching dan Jambatan Baharu Merentasi Sungai Sarawak. Tujuan utama projek ini adalah untuk menampung peningkatan pesat jumlah trafik di Bandaraya Kuching dan menyediakan akses aliran trafik yang

lebih lancar terutama di Matang Jaya, Petra Jaya dan kawasan sekitar.

Perasmian pelancarannya telah disempurnakan oleh YAB Datuk Patinggi Tan Sri (Dr) Haji Adenan Bin Haji Satem, Ketua Menteri Negeri Sarawak dan disaksikan oleh Menteri Kerja Raya Malaysia, YB Dato' Sri Fadillah Haji Yusof.

Projek pembinaan empat lorong dua

Gimik pelancaran oleh tetamu kehormat

Meninjau salah satu projek cerun di Tawau

PERASMIAN JALAN SAPULUT-KALABAKAN, SABAH



Pemberian cenderahati semasa pelancaran kepada pengguna jalan yang bertuah

KALABAKAN, 8 Mei – Ketua Menteri Sabah, YAB Datuk Seri Musa Haji Aman telah merasmikan Jalan Sapulut-Kalabakan dengan disaksikan Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Fadillah Haji Yusof hari ini.

Jalan ini merupakan jalan alternatif ke Kota Kinabalu tanpa melalui Sandakan dan Telupid dan ia melengkapkan jalan dari Tawau-Kalabakan-Sapulut-Nabawan-Keningau dan seterusnya Kota Kinabalu. Ini sekaligus akan dapat memendekkan tempoh perjalanan sebanyak 3 jam dari Tawau ke Kota Kinabalu.

Selain daripada itu, ia akan melengkapkan jajaran jalan Pan Borneo di Sabah walaupun jalan Sapulut-Kalabakan ini masih lagi berstatus Jalan Negeri dan akan diserahkan kepada Kerajaan Negeri untuk penyelenggaraan jalan kelak.

Jalan Sapulut-Kalabakan ini pada asalnya merupakan jalan balak yang telah ditinggalkan oleh Syarikat Konsesi Pembalakan. Oleh yang demikian, pada

tahun 2004, Kerajaan Negeri telah memohon untuk pembinaan projek ini dan UPE,JPM telah luluskan skop projek iaitu pembinaan jalan gravel sepanjang 145 km dengan kos projek sebanyak RM636 juta. Projek pembinaan jalan gravel ini bermula pada tahun 2004 dan siap sepenuhnya pada tahun 2008.



Pemberian Cenderahati kepada tetamu kehormat perasmian majlis

Selanjutnya, pada tahun 2011 UPE,JPM telah meluluskan Fasa 2 iaitu naiktaraf jalan dari gravel kepada jalan berturap sepanjang 145 km dengan kos sebanyak RM270 juta. Projek ini telah siap sepenuhnya pada Januari 2015.

Terdapat 5 projek besar yang sedang dalam pelaksanaan di Negeri Sabah dengan jumlah kos melebihi RM900 juta iaitu Projek Naiktaraf Jalan Donggongan – Papar Pakej 1 yang bernilai RM232 juta, Projek Naiktaraf Jalan Segama Fasa 1 berjumlah RM 108 juta, Projek Naiktaraf Jalan Tawau-Semporna berjumlah RM170 juta, Projek Naiktaraf Jalan Petagas-Lok Kawi Fasa 1A dan 1B sebanyak RM137 juta dan Projek Naiktaraf Persimpangan Bertingkat di Bandaraya Kota Kinabalu berjumlah RM261 juta.

Selain itu, Kementerian juga sedang dalam perancangan untuk melaksanakan 2 lagi projek baru iaitu Projek Naiktaraf Jalan Donggongan – Papar Pakej 2&3 berjumlah RM380 juta dan Projek Naiktaraf Jalan Petagas – Lok Kawi Fasa 1 berjumlah RM32 juta yang dijangkakan bermula pada suku ke empat tahun 2015.

Kementerian juga sedang dalam pelaksanaan pembinaan 85 cerun di seluruh Negeri Sabah yang berjumlah RM421,251,696.80.

LAWATAN TAPAK PROJEK NAIK TARAF LEBUH RAYA PASIR GUDANG – JOHOR BAHRU

PASIR GUDANG, 8 Jun 2015 – YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya telah mengadakan lawatan kerja ke Lebuhraya Pasir Gudang, Johor Bahru bagi meninjau kemajuan kerja menaiktaraf lebuhraya tersebut.

Projek Menaiktaraf Lebuhraya Johor Bahru-Pasir Gudang daripada 4 Lorong kepada 6 Lorong (Fasa 1) sepanjang 8km daripada Persimpangan Kangkar Tebrau (PLUS) ke Persimpangan Plentong telah

dimulakan sejak Julai 2012 dan dijangka siap sepenuhnya pada 30 September 2015 (mengambil kira Extension of Time, EOT).

Disamping itu, skop projek juga melibatkan pelebaran 8 buah jambatan. Kemajuan fizikal bagi projek ini sehingga April 2015 adalah 68 peratus. Lebuhraya Pasir Gudang, Johor Bahru ini bermula dari Tol Perling hingga ke Pasir Gudang Interchange sepanjang 30km.

Lawatan kerja ini turut disertai oleh Pengerusi Jawatankuasa Kerja Raya, Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah negeri Johor, Datuk Ir. Hasni Mohammad, Ahli Parlimen Pasir Gudang, Normala Abdul Samad serta pegawai projek daripada JKR Johor.

Perbincangan bersama Exco dan Pengarah JKR Johor di tapak lawatan



Situasi keadaan semasa lawatan ke lebuhraya Pasir Gudang

Membuat tinjauan di lebuhraya bersama pegawai-pegawai Kementerian



Perasmian dimulakan dengan gimik pelancaran

MESYUARAT PEGAWAI KANAN (SOC) JABATAN KERJA RAYA (JKR) MALAYSIA 2015

JOHOR BAHRU, 8 Jun 2015 – Penganjuran Mesyuarat Pegawai Kanan (SOC) Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia 2015 merupakan salah satu usaha meneruskan momentum transformasi jabatan dalam memerkasakan perkhidmatan kepada orang awam.

Antara objektif penganjurannya adalah untuk menyediakan forum dan platform bagi Pengurusan Atasan dan Pegawai

Kanan menyuarakan suara, pandangan dan pendapat secara kolektif selain mengukuhkan semangat kerjasama serta menonjolkan JKR sebagai sebuah organisasi intelek yang aktif, progresif dan dinamik dalam ilmu kejuruteraan yang praktikal dan berkualiti.

Majlis yang bertemakan, “Membudayakan Kecemerlangan Dalam Penyampaian Perkhidmatan” ini

dirasmikan oleh YB Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, yang turut menyampaikan empat Anugerah yang dipertandingkan bersempena SOC kali ini.

Mesyuarat selama tiga hari ini telah diadakan di Pusat Konvensyen Antarabangsa Persada Johor dan Jawatankuasa Induk penganjuran kali ini diurusetikan oleh JKR Johor.



YB Menteri menerima cenderahati dari JKR sebagai penghargaan perasmian majlis



Acara memotong riben pada tapak pameran



Salah sebuah papan tanda sekitar Kuantan

PROJEK TRANSFORMASI PAPAN TANDA DAN TANDA ARAH JALAN

KUANTAN, 23 April - Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) telah mengenalpasti dan melaksanakan projek perintis transformasi Papan Tanda dan Tanda Arah di permukaan jalan di Kuantan, Pahang. Projek inovasi ini merupakan salah satu projek di bawah program Public Service Delivery Transformation Programme (PSDT) yang merupakan cetusan idea dari YAB Perdana Menteri, iaitu program transformasi penyampaian perkhidmatan awam yang memberikan impak yang besar kepada rakyat dalam masa yang singkat (fast track with big impact).

Ia adalah satu projek perintis bertujuan untuk menyelesaikan masalah aduan yang seringkali disuarakan oleh pengguna jalan, iaitu berkaitan kelemahan papan tanda arah diseluruh negara.

Projek ini menggunakan kaedah "Adopt and Adapt" dan telah menggabungkan

Arahan Teknik Jalan JKR dengan "UK Traffic Signs Manual". Ia berjaya disiapkan dalam tempoh yang singkat iaitu 6 bulan. Kos merekabentuk dan memasang papan tanda bagi projek ini adalah lebih murah kerana rekabentuk papan tanda mengoptimumkan penggunaan ruang dan seterusnya menghasilkan papan tanda yang bersaiz lebih kecil.



Salah sebuah papan tanda pada jalan persekutuan ke Kuantan



Sebuah papan tanda yang terletak pada persimpangan keluar LPT tol Kuantan



KERJA UNDI JALAN PERSEKUTUAN DAN KERJA UNDI PENYENGGARAAN BANGUNAN

Tetamu kehormat bersama-sama dalam gimik pelancaran kerja undi

KUANTAN, 23 April - Kerja undi penyenggaraan jalan meliputi kerja berkala bukan pavemen seperti kerja mengecat garisan jalan, membaiki penghadang jalan, pembaikan longkang, perabot jalan dan papan tanda jalan telah diadakan bertempat di Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) Kuantan.

Untuk pelaksanaan kerja undi pada kali ini, Kementerian Kerja Raya telah

mengambil pendekatan sejajar dengan tatacara perolehan semasa dimana kerja undi yang ditawarkan bernilai RM50 ribu dan kebawah.

Sebanyak 613 projek dengan kos berjumlah RM28 juta akan dilaksanakan secara serentak di seluruh Malaysia pada hari ini dan daripada jumlah tersebut sebanyak 441 projek dengan kos RM20 juta di Semenanjung, 172 projek di Sarawak dan di Sabah dengan kos yang bernilai RM8 juta.

Disamping kerja undi jalan persekutuan, hari ini juga turut diadakan kerja undi penyenggaraan bangunan Kementerian Dalam Negeri (KDN) dan Kementerian Pertahanan dan ia merupakan projek National Blue Ocean Strategy (NBOS) yang melibatkan beberapa kementerian. Sebanyak 105 projek akan dilaksanakan secara kerja undi di seluruh Negara menggunakan peruntukan daripada Kementerian pelanggan dan pelaksanaan oleh JKR.

Acara menggauli bebola emas



Salah seorang kontraktor yang bertuah dalam sesi cabutan kali ini

KEMENTERIAN KERJA RAYA

*Penyampaian buku pelan transformasi
KKR kepada Ketua-ketua agensi*



PELANCARAN PELAN TRANSFORMASI KKR

KUALA LUMPUR, 24 April – Kementerian Kerja Raya (KKR) telah menghasilkan Pelan Transformasi KKR dimana Kerangka Pelan ini telah mula dibangunkan pada awal tahun 2014 yang turut melibatkan agensi-agensi di bawah KKR iaitu Jabatan Kerja Raya (JKR), Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) dan CIDB. Beberapa siri bengkel telah diadakan dan Kerangka Pelan Transformasi KKR ini telah dibentangkan

kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam pada 4 September 2014.

Pelancarannya telah diadakan sewaktu Perhimpunan Bulanan KKR dengan simbolik penyerahan Pelan Transformasi KKR oleh Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin kepada Ketua Jabatan dan Agensi. Pelan ini mengandungi 5 Teras Strategik yang terdiri daripada 17 Langkah

Strategik. Bagi melaksanakan Pelan Transformasi KKR, Kementerian dan Agensi telah mengenal pasti 25 Inisiatif Strategik yang mampu memacu usaha Kementerian ke arah visi Kementerian iaitu “Kementerian sebagai peneraju pembangunan infrastruktur dan industri pembinaan negara yang unggul menjelang 2020”.

*Lawatan pameran oleh YB Timbalan
diiringi oleh TKSU dasar dan pengurusan*



*YB Timbalan Menteri bersama pengurusan
tertinggi KKR dan agensi menyanyikan lagu
kebangsaan*



KERJA UNDI PENYELENGGARAAN KUARTERS KDN NEGERI PERLIS BERNILAI RM6.51 JUTA

Gimik pelancaran bersama Menteri Besar Perlis, KSU dan juga Presiden Kontraktor Melayu Malaysia

KANGAR, 16 Jun 2015 – Sebanyak 31 Kerja Sivul bernilai RM3.16 juta dan 71 Kerja Elektrikal bernilai RM3.35 juta telah ditawarkan untuk Kerja Undi Bagi Kerja Pembaikan dan Penyelenggaraan Kuarters Kementerian Dalam Negeri (KDN) Tahun 2015 (One-Off) bagi Negeri Perlis.

Program Kerja Undi ini adalah sebahagian daripada program pembangunan kontraktor Bumiputera kelas G1 dan merupakan kerjasama antara KDN dan Kementerian Kerja Raya (KKR). Ia akan dilaksanakan dari masa ke semasa bagi memastikan kekukayaan dalam sektor pembinaan dapat diagihkan secara adil dan saksama.

Untuk skop kerja undian kali ini, ia melibatkan kerja seperti membaiki / mengganti lif, membaiki / mengganti tangki air dan sistem retikulasi, membaiki / mengganti paip sanitari, membaiki / mengganti bumbung,

membaiki / mengganti tangga dan handrail, mengecat bangunan dan harta bersama dan juga pendawaian elektrikal bangunan kuarters.

Seramai lebih 500 kontraktor dari negeri ini telah hadir menyertai majlis ini yang

dirasmikan oleh YAB Dato' Seri Azlan bin Man, Menteri Besar Perlis. Turut hadir menyampaikan ucapan aluan adalah YBhg. Dato' Sri Zohari Haji Akob, Ketua Setiausaha KKR.

Ucuptama pelancaran majlis oleh Dato' Sri Zohari Bin Haji Akob KSU Kementerian Kerja Raya



BENKEL PENYEDIAAN PELAN STRATEGIK 2016 – 2020 KKR

NEGERI SEMBILAN, 17 April – Bengkel Penyediaan Pelan Strategik 2016 – 2020 Kementerian Kerja Raya (KKR) telah berlangsung selama tiga (3) hari di sini. Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof telah merasmikan bengkel tersebut serta menyampaikan amanat kepada para peserta yang hadir.

Objektif penganjuran bengkel tersebut adalah untuk membincangkan hala tuju Pelan Strategik 2016 – 2020 KKR, visi dan misi KKR serta untuk membincangkan mengenai Teras Strategik.

Bengkel ini telah melibatkan seramai 93 orang peserta dari Pengurusan Atasan Kementerian dan agensi-agensi.



Salah satu aktiviti di dalam kumpulan sedang berjalan



Pengurusan tertinggi KKR bergambar bersama YBM

PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT (CSR) LAMBIR, MIRI DAN LATIHAN KEMAHIRAN PERSONEL BINAAN

MIRI, 26 April - Bahagian Pembangunan Kontraktor dan Usahawan (BPKU), Kementerian Kerja Raya dengan kerjasama Akademi Binaan Malaysia (ABM), CIDB Negeri Sarawak telah menganjurkan Program Khidmat Masyarakat (CSR) dan Latihan Kemahiran Personel Binaan bertempat di Kampung Keluru Jaya, Lambir, Miri, Sarawak.

Altiviti utama program adalah kerja membaikpulih dan mengecat bangunan

tamu serta membersihkan kawasan sekitar tamu. Perasmian program ini telah disempurnakan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya.

Turut diadakan adalah sesi taklimat kepada 100 Kontraktor Bumiputera (Gred G1 – G7). Antara objektif program ini adalah Memberi pendedahan serta latihan praktikal kepada kontraktor Bumiputera dan penduduk setempat dalam aspek teknikal membaikpulih dan mengecat bangunan dan melaksanakan satu bentuk khidmat masyarakat (CSR) para kontraktor Bumiputera kepada masyarakat.

Turut hadir adalah Ahli Dewan Undangan Negeri (Adun) N.62 Lambir, YB Ripin Bin Lamat dan Pemimpin penduduk setempat.



YBM Kerja Raya menandatangani plak majlis perasmian

LAWATAN DAN SESI RAMAH MESRA MENTERI KERJA RAYA KE PEJABAT UTUSAN MALAYSIA BERHAD

KUALA LUMPUR, 16 April - YB Dato' Sri Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya bersama-sama 25 orang Pegawai Pengurusan Tertinggi Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengadakan lawatan dan sesi ramah mesra ke Ibu Pejabat Utusan Malaysia di Jalan Chan Sow Lin. Delegasi KKR telah disambut oleh Ketua Pengarang Kumpulan, Utusan Melayu (M) Berhad, YBhg. Dato' Abdul Aziz Ishak.

Sesi lawatan dan ramah mesra ini adalah merupakan aktiviti tahunan kementerian yang telah dirancang dalam usaha membina hubungan baik dan aktiviti pemupukan jalinan mesra yang berterusan antara kementerian dengan pihak media.

Menyedari akan kepentingan pihak media dalam membantu kementerian menjayakan visi dan misi serta penyampaian perkhidmatan kepada rakyat, sesi ini dilihat sebagai satu tanda penghargaan dan terima kasih

kementerian kepada pihak Utusan Malaysia yang telah banyak membantu memberi hebahan dan publisiti kepada semua aktiviti serta program kementerian selama ini.



Lawatan ke salah sebuah kawasan kerja seorang staff

Penghormatan dari YBM dan KSU kerja raya untuk ucapan persaraan beliau



YBM mewakili KKR menyampaikan Cenderahati kenang kenangan dari warga kerja KKR

MAJLIS PERSARAAN DATO' Ir HJ ANNIES MD ARIFF, KETUA PENGARAH KERJA RAYA MALAYSIA

KUALA LUMPUR, 30 April - Majlis Persaraan YBhg. Dato' Ir Hj Annies Md Ariff bertemakan "Bakti Disanjung, Budi Dijunjung" telah diadakan di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid Kementerian Kerja Raya sebagai tanda penghargaan dan terima kasih di atas sumbangan sebagai Ketua Pengarah Kerja Raya serta jasa beliau kepada JKR sepanjang 37 tahun tempoh perkhidmatan.

Kemuncak acara majlis yang dinantikan ialah ucapan YBhg. Dato' Ir Hj Annies Md Ariff yang telah menyampaikan amanat dan harapanbeliauterhadapkecemerlangan dan kelangsungan jabatan. Beliau turut menyampaikan ucapan terima kasih yang tidak terhingga di atas kerjasama dan sokongan yang diterima sepanjang 37 tahun perkhidmatan beliau di JKR.

Majlis dimulakan dengan ucapan penghargaan kepada tetamu diraikan oleh wakil Majlis Bersama Jabatan (MBJ) Encik Sumardi bin Ali, wakil dari Jabatan Kerja Raya (JKR) Ir. Hj Mohd Daud B. Harun dan seterusnya YB Menteri Kerja Raya Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof.

Majlis diserikan dengan tayangan media persaraan Dato' Ir. Hj Annies dan juga tayangan video 'JKR Dan Anda' yang merupakan inspirasi dari beliau sendiri. Majlis dimeriahkan lagi dengan persembahan nyanyian oleh kumpulan Caliph Buskers.- Sumber JKR Malaysia

MAJLIS ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG KEMENTERIAN KERJA RAYA 2014

KUALA LUMPUR, 5 Jun 2015 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Kementerian Kerja Raya 2014 telah diadakan hari ini di Dewan Tan Sri Mahfoz Khalid, Kompleks Kerja Raya. Sejumlah 866 orang telah dicalon sebagai penerima APC Kementerian/ Jabatan/ Agensi 2014.

Pecahan penerima adalah seperti berikut, Kementerian Kerja Raya 79 orang, Jabatan Kerja Raya (JKR) 698 orang, Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) 27 orang dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan (CIDB) 62 orang.

Pemilihan calon dan penerima Anugerah APC dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) seperti berikut:

Kuota 8% daripada pengisian di Kementerian/ Jabatan/ Agensi; Pencapaian LNPT 85% dan ke atas; Pegawai tetap, kontrak dan sementara layak dipertimbangkan; Genap satu (1) tahun perkhidmatan di Kementerian/ Jabatan/ Agensi; dan Pencalonan oleh Ketua Bahagian yang berkenaan.

Majlis ini diadakan bertujuan menghargai dan mengiktiraf kualiti/

kuantiti sumbangan warga Kementerian yang melebihi daripada keperluan tanggungjawab biasa bagi jawatannya. Penghargaan ini juga bertujuan menjadikan anggota berkenaan sebagai contoh dan daya penarik kepada lain-lain anggota untuk sama-sama meningkatkan lagi taraf perkhidmatan demi mencapai matlamat organisasi.

Majlis yang bertemakan, "Pekerja Hebat Prestasi Meningkat" ini dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, yang turut menyampaikan Anugerah kepada warga Kerja Raya.

KKR BERJAYA MENGEKALKAN PENTAULIAHAN 5S UNTUK 2015

KUALA LUMPUR, 14 Mei – Kementerian Kerja Raya (KKR) telah berjaya mengekalkan persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S untuk tahun 2015 sepertimana tahun sebelumnya.

Ini hasil daripada penilaian oleh ahli panel daripada Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) ke Bahagian dan Unit di

KKR selain semakan ke atas dokumen setiap Zon dan Jawatankuasa 5S. Pegawai MPC yang hadir menilai ialah Encik Zaki bin Jaafar, Encik Mohd Wafi bin Arip dan Encik Muhammad bin Omar.

Mesyuarat Pembukaan telah dipengerusikan oleh YBhg, Dato' Sri

Zohari Haji Akob, Ketua Setiausaha KKR manakala Mesyuarat Penutup bagi membentangkan hasil penemuan panel pula telah dipengerusikan oleh YBrs, Tuan Haji Sarani Dollah, Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan) KKR.

Amalan Persekitaran Berkualiti 5S diamalkan di Kementerian ini bertujuan mewujudkan persekitaran kerja sistematik dan berkualiti seterusnya dapat memenuhi kehendak pelanggan Kementerian berasaskan kepada lima kaedah iaitu, Sisi, Susun, Sapu, Seragam dan Sentiasa Amal.



Sesi perbincangan dan kesimpulan penilaian oleh pihak MPC



Ucapan aluan oleh Dato' Zohari Akob KSU kepada para penilai dari MPC

KONGRES JURUUKUR ANTARABANGSA (ISC) KE-17 HIMPUN KOMUNITI JURUUKUR

PETALING JAYA, 11 Jun 2015 – Royal Institution of Surveyors Malaysia (RISM) telah menganjurkan Kongres Juruukur Antarabangsa (ISC) ke-17 dengan bertemakan “Integrating for Excellence” bertempat di One World Hotel, hari ini.

Objektif penganjuran Kongres selama dua hari ini adalah untuk menyediakan forum dan platform berbincang, bertukar pendapat, berkongsi kemahiran dan teknologi serta mengukuhkan hubung

jalin antara pengamal bidang juruukur sebagai persediaan menghadapi suasana mencabar era globalisasi dan pasaran liberal kini.

Penganjuran kongres bertaraf antarabangsa ini telah mengumpulkan komuniti juruukur daripada pelbagai disiplin dalam dan luar negara seperti bidang Tanah, Bahan, Bangunan dan Hartanah. Turut dijemput adalah penceramah daripada pelbagai bidang

dan latar belakang untuk berkongsi ilmu dan pengalaman mereka kepada peserta kongres.

Ucuptama perasmian telah disampaikan oleh YB Dato’ Sri Haji Fadillah bin Haji Yusof, Menteri Kerja Raya, yang turut merasmikan ruang pameran yang menghimpun syarikat berkaitan teknologi ukur, pembekal bahan binaan dan perunding hartanah.



YBM beramah mesra bersama peserta luar negara seminar

Pemberian cenderahati daripada pihak penganjur sebagai tanda penghargaan



SEMINAR KESAN IKLIM TERHADAP PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR NEGARA

SUBANG, 7 April – Impak perubahan iklim bumi telah membawa kesan kepada sistem geologi, biologi dan sosial di seluruh dunia. Malaysia tidak terkecuali dalam mendepani kesan perubahan ini dan usaha mengekalkan

kemampuan pembangunan infrastruktur negara adalah perlu agar negara lebih bersedia.

Justeru, satu seminar telah diadakan bagi membincangkan isu ini iaitu “Seminar on Ensuring Climate Resilience of Buildings and Infrastructure” dengan bertemakan “Towards Sustainable Infrastructure” bertempat di Hotel Saujana Kuala Lumpur.

Seminar anjuran Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) ini menghimpunkan

pembentang kertas kerja dari syarikat dalam dan luar negara untuk bersama-sama berkongsi pengalaman dan pengetahuan berhubung kaedah dan amalan terbaik menghadapi perubahan iklim dunia dan kesannya kepada pembangunan infrastruktur.

YB Dato’ Sri Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya telah hadir merasmikan seminar ini serta menyaksikan upacara menandatangani plak kerjasama perkongsian awam swasta (PPP) antara pihak CIDB dan rakan strategiknya.

PELANCARAN PROGRAM WELL4LIFE MOWFIT KKR 2015

KUALA LUMPUR, 26 Mei – Kementerian Kerja Raya (KKR) telah melancarkan Program Well4Life MOWfit KKR 2015 iaitu satu program amalan gaya hidup sihat bertempat di Dewan tan Sri Mahfuz Khalid, hari ini.

Program anjuran bersama Bahagian Pengurusan Sumber Manusia, Bahagian Khidmat Pengurusan dan Kelab Sukan dan Kebajikan KKR ini telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof, Menteri Kerja Raya dan turut dihadiri pengurusan tertinggi Kementerian. Melalui program ini, warga KKR

telah didedahkan akan keperluan untuk melakukan perubahan dan mengamalkan cara hidup sihat sebagai rutin kehidupan demi menjamin keselamatan diri, keluarga dan masyarakat melalui keseimbangan kesihatan minda dan fizikal.

Turut diadakan ialah persembahan Aerobik/Zumba, penerangan kesihatan dan kaedah senaman yang betul. Aktiviti mingguan yang telah diatur sempena pelancaran program ini ialah senaman Zumba pada setiap hari Selasa petang (wanita) dan *Body Weight Training* (terbuka) pada setiap hari Khamis petang.



SUMBANGAN MANGSA BANJIR KEPADA WARGA JKR PAHANG

KUANTAN, 23 April - Berhubung bencana banjir yang melanda Negara akhir tahun 2014, terdapat 484 orang kakitangan JKR telah menjadi mangsa di mana rumah-rumah dan harta benda telah mengalami kerosakan. Dari jumlah tersebut seramai 18 orang telah mengalami kemusnahan rumah sama sekali.

Untuk itu, bagi meringankan beban yang ditanggung oleh mereka yang terlibat, satu usaha melalui kutipan derma daripada seluruh anggota KKR dan agensi di bawahnya telah dilancarkan sejak Januari 2015 yang lalu untuk disumbangkan kepada mangsa.

Selain daripada kutipan yang dibuat oleh Kementerian, satu lagi agensi dalam Kementerian iaitu Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) telah mengambil inisiatif yang sama. LLM bersama Persatuan Syarikat-Syarikat Konsesi Lebuhraya Malaysia (PSKLM) juga telah mengadakan kutipan berbentuk wang tunai, makanan dan pakaian. Sebanyak RM300 ribu telah berjaya dikutip dan pada hari ini sebanyak RM50 ribu disalurkan kepada mangsa banjir di negeri Pahang.



Sumbangan daripada PSKLM kepada Kerajaan Negeri Pahang



Kakitangan JKR
Penerima bantuan

Tetamu dari pelbagai negara Asean bergambar kumpulan bersama YBM



PUTRAJAYA, 5 Mei – Selaras dengan *The ASEAN Coordinating Committee on Services Meeting* yang berlangsung pada 4 hingga 8 Mei 2015 di Kuala Lumpur, satu majlis Makan Malam ASEAN telah dianjurkan oleh Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) bertempat di Hotel Pullman, Putrajaya.

Majlis ini telah dihadiri oleh YB Dato’ Sri Haji Fadillah Yusof, Menteri Kerja Raya, YBhg. Dato’ Sri Zohari Haji Akob, Ketua Setiausaha Kementerian Kerja Raya, YBhg. Ar. Prof. Datuk Dr. Amer Hamzah Mohd Yunus, Presiden LAM, delegasi Arkitek ASEAN, ahli berdaftar daripada LAM dan Institut Arkitek Malaysia.

Arkitek ASEAN telah diwujudkan hasil penubuhan Majlis Arkitek ASEAN (AAC) pada tahun 2009 yang bernaung di bawah *ASEAN Coordinating Committee on Services* (ASEAN CCS). Fungsi utama Majlis Arkitek ASEAN ini adalah mengawal pendaftaran Arkitek ASEAN, mempromosikan strategi ke arah pengurangan halangan terhadap pengamalan dikalangan rakan ASEAN selain mengawalselia perkhidmatan profesional ini.

MAKAN MALAM ARKITEK ASEAN

Penerima anugerah sijil dari Lembaga Arkitek





MAJLIS BERBUKA PUASA KKR 1436H

Majlis dimulakan dengan pemberian sumbangan kepada Anak-anak Yatim dan Ibu Tunggal dari kalangan kakitangan KKR

KUALA LUMPUR, 24 Jun – Sempena bulan Ramadhan 1436H, Kementerian Kerja Raya (KKR) telah mengadakan Majlis Berbuka Puasa di Dewan Tan Sri Mahfuz Khalid hari ini.

Pada majlis itu juga, Menteri Kerja Raya, YB Dato' Sri Haji Fadillah Haji Yusof dan Timbalan Menteri Kerja Raya, YB Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin turut menyampaikan sumbangan kepada anak-anak yatim dan juga ibu tunggal KKR.

Tetamu jemputan khas ialah Ustaz Zulkarnain Hamzah dan beliau turut menyampaikan tazkirah Magrib serta mengimami solat sunat terawih pada malam tersebut.

Turut hadir sama YBhg. Dato' Zohari Akob, Ketua Setiausaha KKR, Pegawai Pengurusan Tertinggi KKR dan Agensi-agensi serta warga kementerian.



Ketibaan YB Menteri selaku tetamu kehormat pada majlis tersebut



Pemberian sumbangan oleh YB Timbalan Menteri Kerja Raya

RENCANA 37 04/11/2015 13:57

Lebuhraya Pan Borneo bawa limpahan kemajuan


Lebuhraya Pan Borneo membawa limpahan kemajuan kepada penduduk di sepanjang lebuh raya...

Laluan baharu jimat masa perjalanan

Aliran Sempadan Baharu Laluan Baharu jimat masa perjalanan bagi penduduk di sepanjang lebuh raya...

Projek rumah kekal mangsa banjir lancar

Projek rumah kekal mangsa banjir lancar. Fadillah Yusof, Menteri Kanan, berkata lima rumah kekal terbit di dalam projek...



Fadillah Yusof, Menteri Kanan, berkata lima rumah kekal terbit di dalam projek...



Fadillah Yusof menyampaikan laluan baharu Perkhidmatan Comenging kepada Annuh Mohd. Azhar...

23 rumah kekal mangsa banjir menjelang Julai

23 rumah kekal mangsa banjir menjelang Julai. Menteri Kanan berkata 23 rumah kekal mangsa banjir...

Kerajaan jamin Pan Borneo tiada tol

Kerajaan jamin Pan Borneo tiada tol. Menteri Kanan berkata kerajaan akan memastikan lebuh raya Pan Borneo...

Pembinaan lebuh raya Pan Borneo



Lebuhraya Pan Borneo bebas tol

Lebuhraya Pan Borneo bebas tol. Menteri Kanan berkata lebuh raya Pan Borneo akan beroperasi...

28 DALAM NEGERI

Aduan: Kementerian Kerja Raya mula ambil tindakan

Aduan: Kementerian Kerja Raya mula ambil tindakan. Menteri Kanan berkata kerajaan akan mengambil tindakan...

Penduduk gembira projek LPT2 diteruskan

Penduduk gembira projek LPT2 diteruskan. Menteri Kanan berkata projek LPT2 akan diteruskan...

1,076KM tanpa tol

1,076KM tanpa tol. Menteri Kanan berkata lebuh raya Pan Borneo akan beroperasi...

New RFID toll system

New RFID toll system. Menteri Kanan berkata sistem RFID akan digunakan...

Handwritten notes and scribbles across the bottom of the newspaper page.

A collection of social media posts from Twitter, including tweets from PakTarm, Kucing Gebu, Tahniah, Sarani Dollah, KKR Malaysia, and Zul Azhar b. Cha.

TWITTER